

Dasar-Dasar ‘*Top-Down*’ dan Mekanisme Penyatupaduan Kaum

Kartini Aboo Talib @ Khalid
Rachel Chan Suet Kay
Institut Kajian Etnik Kebangsaan

Abstrak

Lebih dari empat abad Dasar Ekonomi Baru (1971) diperkenalkan dan impak kepada objektif dasar ini masih lagi dirujuk sebagai punca kuasa kepada matlamat perpaduan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia. Kemunculan dasar ini selepas peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 meletakkan asas kepada matlamat serampang dua mata yang berusaha untuk menghapuskan kemiskinan dan menstruktur semula masyarakat agar pengenalan kaum mengikut kategori pekerjaan dihapuskan. Matlamat dasar ini dalam meminimalkan kemiskinan di kalangan rakyat terutamanya golongan peribumi boleh dikatakan berjaya dengan merujuk data *World bank (2017)* menyatakan kurang daripada 1% populasi di Malaysia yang masih berada dalam kemiskinan tegar. Malaysia kini komited dalam usaha memperbaiki kehidupan 40% populasi yang berpendapatan rendah (The Bottom 40). Kelangsungan tapak integrasi melalui pendekatan ‘*top-down*’ ini diteruskan kerajaan dengan beberapa pendekatan seperti Dasar Pembangunan Negara, Wawasan 2020, dan Transformasi Negara 50 (TN50) sebagai usaha memastikan ekonomi dan keharmonian kaum berada dalam suasana yang mendokong hubungan masyarakat multietnik ini. Kajian ini meneroka tapak integrasi menerusi pengenalan dasar-dasar kerajaan sedia ada bagi mengurangkan jurang perbezaan kaum menerusi pendapatan dan pemilikan. Cabaran dan halangan turut dikupas dan usaha kearah penyatupaduan masyarakat pelbagai etnik menerusi lensa ekonomi diperdebatkan bagi menilai sejauhmana pendekatan ‘*top-down*’ ini meletakkan asas sebagai tapak integrasi yang merapatkan jurang perbezaan kelas dan etnisiti. Pendekatan kajian pada peringkat ini adalah menilai semula konsep kelas dan etnisiti, mengupas pendekatan multidimensi dalam ekonomi sebagai kayu ukur kepada pendapatan dan pemilikan, dan konsep penyatupaduan sosial dalam usaha membina negara bangsa. Pendekatan kualitatif dengan menghimpunkan bahan-bahan sekunder diketengahkan sebagai usaha menghimpunkan tema-tema yang telah dibahaskan mengenai etnisiti, ekonomi, dan dasar-dasar pembangunan yang mendorong kepada terbinanya kesepaduan dalam masyarakat multietnik. Namun begitu, pembangunan masyarakat menerusi pengenalan dasar ini mahu diselidiki sejauhmana ia mendorong kepada usaha mengukuhkan tapak integrasi atau sebaliknya.

Kata kunci: dasar, etnisiti, penyatupaduan, penilaian, multidimensi

Pengenalan

Usaha negara menuju perpaduan masih lagi merupakan sebuah impian yang masih belum tercapai sepenuhnya. Namun begitu naratif Malaysia yang mampu mengekalkan keamanan dalam kepelbagaian kaum, agama dan budaya secara relatif berbanding negara-negara termasuk Sri Lanka (Sirimal 2008), Indonesia (Bertrand 2008), dan Thailand (Funston 2010) yang berdepan dengan konflik etnik yang berpanjangan melibatkan kematian serta kemusnahan infrastruktur beratus juta ringgit. Malaysia telah mencapai tahap kesepaduan sosial dengan mengekalkan hubungan yang baik dikalangan etnik yang pelbagai dan mengakui masih terdapat kekangan yang

bersifat ‘*stable tensions*’ yang boleh mengubah suasana aman yang dialami kepada suatu keadaan konflik. Bab ini mengupas usaha kerajaan dari atas ke bawah (top down) memperkenalkan dasar-dasar yang dilihat sebagai tapak integrasi penyatupaduan perbezaan etnik dalam ekonomi, agama, budaya dan sebagainya. Pelan perancangan pembangunan yang rancak diusaha dan direalisasi oleh kerajaan membawa bersama matlamat menjadikan Malaysia makmur dan sejahtera melalui tapak penyatupaduan ini.

Kupasan dan perbincangan kerangka konsep tapak integrasi melalui proses penyatupaduan ini adalah usaha baharu bagi menilai signifikan pembentukan beberapa dasar dan agenda kerajaan yang dibuat dari atas dan diturunkan ke bawah secara birokrasi untuk dilaksana bagi memacu pembangunan negara dan masyarakat. Bab ini menyoroti beberapa peristiwa penting dalam sejarah Malaysia bagi melihat hubungan etnik terutamanya etnik Melayu dan Cina yang mempunyai pengalaman berbeza serta menjawab keperluan tapak integrasi harus terus diwujudkan dari atas ke bawah untuk merapatkan perbezaan hubungan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia.

Pendekatan Pelaksanaan Dasar

Mekanisme pelaksanaan dasar sentiasa dilihat melalui kaedah top-down atau bottom up. Sarjana yang bersetuju dengan kaedah pelaksanaan dasar secara top-down ini menggariskan pandangan bahawa sesuatu dasar itu diformulakan oleh pemikir-pemikir pakar dan pembuat keputusan bagi merangka pelan pembangunan jangka panjang, berskala besar, memerlukan perbelanjaan negara dan impaknya adalah menyeluruh tanpa meletakkan sasaran kepada saiz populasi tertentu (Dye 1995; Howlett and Ramesh 1995; Anderson 2003; Dunn 2000; Kartini 2014). Pelan pembangunan jangka panjang ini sebelum menjadi sebuah dasar ianya telah melalui proses perdebatan dan merujuk kepada kajian empirikal serta perbandingan sebelum formula dan strategi pelaksanaan dibenteng, dibahas, diperkemas dan dilaksana. Proses ini melalui beberapa siri kupasan dan kemas sehingga ianya dianggap lengkap untuk dilaksana.

Strategi top-down juga memerlukan kerajaan merencanakan kordinasi pelaksanaan yang menuntut penglibatan agensi kerajaan diperingkat pusat, negeri, dan kerajaan tempatan bersama pihak swasta termasuklah industri, badan bukan kerajaan dan masyarakat. Agihan kuasa akan lebih berkonsentrasi pada kerajaan untuk menurunkan kuasa dan arahan untuk memainkan peranan yang lebih efisien dan efektif. Penggunaan dana bagi tujuan ini juga akan dikaji, disemak, dipantau dan diaudit secara berkala bertujuan untuk memastikan fasa-fasa perancangan pembangunan mematuhi jadual dan deliverable yang telah dirancang diperingkat awal penubuhan sesuatu dasar. Proses dan matlamat kaedah top-down dapat diperhatikan termasuk DEB, Dasar Pandang ke Timur, Dasar Pembangunan Nasional, Rancangan Malaysia dan agenda yang turut dilihat sebagai pemberat tambahan kepada dasar sedia ada seperti Wawasan 2020 dan TN50.

Berbeza dengan kaedah pelaksanaan ‘bottom up’ yang dipelopori sarjana seperti (Hjern 1982; Hjern & Porter 1981; Lipsky 1980; Elmore 1979) yang melihat konteks dasar dan instrumen dasar yang terbina daripada praktis orang ramai atau masyarakat yang mengalami sendiri kelebihan atau kekurangan atau hambatan dalam aktiviti harian mereka yang memerlukan inovasi untuk memperbaiki kelemahan atau memperkasa kelebihan yang telah dikenalpasti. Inovasi sosial daripada bawah iaitu golongan masyarakat realitinya mempunyai kaedah yang berbeza sebelum ianya boleh diangkat sebagai suatu dasar atau pelan pembangunan. Inovasi sosial ini tidak akan

berjaya tanpa sokongan ramai yang turut digerak bersama oleh pertubuhan-pertubuhan dalam masyarakat yang akan membawa inovasi sosial ini kepada pihak berkuasa untuk mempertimbangkannya sebelum ianya boleh dilaksanakan sebagai sebuah dasar. Contoh terbaik melihat praktis ini ialah pembinaan Blueprint Kesepaduan, Penyatupaduan dan Perpaduan. Walaupun usaha digerakkan daripada pihak berkuasa tetapi pembinaan instrument kepada Blueprint ini memberi ruang dan peluang yang amat besar kepada golongan masyarakat untuk berkongsi pengalaman dan ekspresi serta meminta mereka menyatakan cadangan kepada permasalahan yang telah dibincangkan. Hasil daripada suara hati dan pandangan rakyat, pengukuhan kepada indikator permasalahan yang seringkali timbul dalam mengurus kesepaduan sosial ialah isu bahasa, etnik, agama, pendidikan, spatial, perbezaan konteks tua dan muda (*intergenerational gaps*), hubungan persekutuan dan negeri, gender, dan politik & tadbirurus.

Maka permintaan kepada penubuhan badan mediasi yang boleh mengurus perbezaan berdasarkan sembilan indikator yang dianggap sebagai 'stable tension' ini boleh dilaksanakan disemua peringkat dan diseluruh negeri. Badan mediasi ini diharap boleh mengurus isu salah faham yang tidak berunsurkan jenayah serta membolehkan perkara ini diselesaikan tanpa melibatkan pihak polis. Isu-isu kejiwaan misalnya seperti bunyi azan diwaktu subuh; jiran bukan muslim membiarkan binatang peliharaan membuang najis merata-rata di kejiwaan yang majoriti muslim; meletakkan parkir kereta dilaluan yang menghalang keluar masuk kawasan kejiwaan; perkahwinan dan upacara berkabung yang jatuh pada waktu/tarikh dan tempat kejiwaan yang sebelah menyebelah; dan sebagainya. Aktiviti dan pengalaman sehari-hari yang boleh mengubah *moment of unity* kepada *moment of differences* atau *disunity* yang boleh ditangani oleh badan mediasi ini.

Bagi bab ini, perbincangan akan tertumpu kepada pelaksanaan dasar secara top-down untuk menilai sejauhmana dasar-dasar yang dilaksanakan dapat berperanan sebagai tapak integrasi atau *reconciliation* bagi merapatkan jurang perbezaan sosio-ekonomi antara kaum serta membolehkan dasar-dasar ini mengukuhkan hubungan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia. Walaupun penilaian dasar ini boleh dibahas sama ada berjaya atau tidak, matlamat kewujudan dasar-dasar ini jelas tertera strategi dan kemahuan kerajaan yang dicatat secara bertulis ke arah pembinaan perpaduan negara dengan menjaga hubungan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Aspek dan indikator ekonomi sering dilihat sebagai suatu yang objektif sebagai alat pengukuran kepada keharmonian masyarakat. Namun begitu indikator ekonomi juga harus bersifat multidimensi bagi membolehkan elemen sosial dan kemanusiaan diintegrasikan untuk mengukur kesepaduan dan memberi justifikasi keperluan kepada penyatupaduan.

Perancangan Pembangunan Negara

Usaha kearah membangunkan Malaysia merupakan suatu progres yang panjang dan berterusan. Sebelum Rancangan Malaysia Pertama, terdapat dua pelan pembangunan iaitu Rancangan Malaya Pertama (RM1: 1956-1960) dan Rancangan Malaya Kedua (RM2: 1961-1965). Rancangan pembangunan negara telah bermula dengan serius pada tahun 1954 selepas perwakilan Bank Dunia membuat beberapa penilaian dan perakuan kepada kerajaan tentang pembangunan negara yang harus dimulai dengan pelaburan kerajaan dalam sektor pertanian di luar bandar. Penyertaan rakyat dalam aktiviti pertanian dapat menjana pendapatan kepada negara. Kerajaan telah melaburkan sebanyak RM478.2 juta untuk membangunkan sektor luar bandar. Berikutan daripada peruntukan ini, kerajaan juga telah menubuhkan dua agensi kerajaan iaitu

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) pada tahun 1956 dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar serta pelaksanaan sistem Buku Merah sebagai inisiatif mengurus, melaksana, dan memantau pembangunan sektor luar bandar.

Seterusnya Rancangan Malaya Kedua (RM2) telah disediakan oleh Jawatankuasa Kerja Antara Jabatan dengan dibantu oleh Urusetia Ekonomi bersama pakar runding daripada Bank Dunia bagi menyediakan perancangan pembangunan yang lebih menyeluruh. Di dalam RM2 ini kerajaan telah menggandakan pelaburan sebanyak dua kali ganda daripada RM1 dan menggunakan strategi perancangan atas ke bawah dan dari bawah ke atas dalam memberi tumpuan membangunkan kawasan luar bandar serta menggalakkan penyertaan rakyat. Tumpuan kepada aktiviti pertanian dan sektor perladangan sertas produk asas tani diteruskan. Dari segi pencapaian, purata kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam tempoh 1961-1965 ialah sebanyak 6.4% setahun.

Rancangan Malaysia Pertama (RMP: 1966-1970) adalah perancangan lima tahun yang diasaskan secara bersepadu berikutan kemasukan Sabah dan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia. Matlamat RMP menjurus kepada pembangunan tenaga manusia, aspek integrasi antara Semenanjung dan Sabah/Sarawak, kebajikan rakyat. Usaha membasmi kemiskinan di kalangan penduduk Malaysia berdasarkan bancian penduduk 1970 terdapat 49.3% keluarga di Malaysia berada di bawah garis kemiskinan atau kemiskinan tegar. Sejumlah 86% daripada keluarga miskin adalah terdiri daripada mereka yang tinggal di luar bandar manakala 14% lagi di kawasan bandar.

Di bawah RMP ini kerajaan mengambil inisiatif menubuhkan beberapa agensi baru bagi merancang, melaksana, memantau dan menambahbaik secara berterusan usaha mencapai pembangunan bersepadu dan menyeluruh. Antara agensi yang ditubuhkan ialah Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA 1967), Lembaga Penasihat Tarif, Majlis Amanah Rakyat (MARA, 1966), Bank Bumiputera (1966), dan Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS, 1969). Penubuhan agensi ini juga bertujuan untuk menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam perusahaan dan perdagangan serta membantu membangunkan sektor industri negara. Sementara, pembangunan bersepadu turut melibatkan peruntukan yang diberi kepada sektor awam dan swasta. Kerajaan memperuntukan sebanyak RM4,550 juta kepada sektor awam dan RM5,950 juta untuk sektor swasta.

Menilai kepada usaha pembangunan negara, dapat diperhatikan pembangunan masyarakat luar bandar yang terpinggir dan serba kekurangan menjadi sasaran utama. Kerajaan memberi tumpuan untuk memperbaiki taraf kehidupan masyarakat luar bandar dengan menyediakan insentif dan inisiatif menerusi penubuhan agensi-agensi dan pelaburan yang tinggi untuk meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar. Bantuan yang diberi turut merupakan aplikasi berterusan untuk memperbaiki kehidupan mereka. Namun begitu, beberapa sarjana berhujah bahawa perbezaan jurang ekonomi yang besar antara masyarakat di luar bandar yang majoritinya adalah penduduk Melayu bumiputera dengan etnik Cina yang telah bermaustautin di bandar-bandar semasa pendudukan British lagi menyebabkan perancangan dalam RMP dilihat tidak begitu dihargai. Secara perbandingan, masyarakat Cina telah jauh maju dan berdaya di bandar-bandar dan menguasai ekonomi negara selepas merdeka. Konflik kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969 adalah kemuncak rasa tidak puas hati masyarakat Melayu terhadap jurang sosio-ekonomi yang begitu besar antara Melayu dan Cina (Jomo, Gomez).

Namun begitu jika diteliti dari sudut yang lain, terdapat beberapa peristiwa yang berlaku sebelum tragedi rusuhan kaum ini tercetus. Peristiwa Hartal di Pulau Pinang pada 19 November 1967 oleh anggota-anggota China dalam gerakan Belia Mao Tse-tung telah mengambil kesempatan atas kejatuhan wang ringgit Malaysia untuk melancarkan Hartal dengan melakukan serangan-serangan kecil ke atas penyokong setia kerajaan yang rata-ratanya adalah orang Melayu. Kesan peristiwa hartal ini memperlihatkan penguasaan ekonomi bangsa Cina dalam pasaran dan rasa tidak puas hati mereka akan kejatuhan nilai ringgit pada tahun 1967 ini diluahkan melalui serangan-serangan kecil sebagai protes kepimpinan Melayu yang gagal memperkukuh ekonomi. Impak peristiwa hartal ini ibarat ombak kecil yang walaupun telah dua tahun berlalu, getarannya masih dirasakan bila tiba pilihan raya 1969.

Dapat diperhatikan di era 1960an pengaruh komunis masih lagi kuat. Kejayaan Peoples Republic of China dalam revolusi 1949 diikuti dengan perubahan radikal struktur masyarakat di Tanah Besar China masih memberi impak kepada masyarakat Cina di Malaysia yang baru merdeka daripada penjajah British. Tambahan lagi, sistem pendidikan venakular menyuburkan semangat taat dan setia kepada negeri China masih tebal. Anasir komunis masih lagi dilihat merbahaya di era 1960an dan catatan TAR menyatakan kebimbangan pengaruh komunis ini menyusup masuk walaupun peristiwa Hartal gagal menghasilkan konflik yang lebih besar, namun rasa tidak puas hati masyarakat Cina masih terasa apabila 11 ahli parti Komunis Malaya berketurunan Cina daripada Johor dan 2 Melayu daripada Perak telah dijatuhkan hukuman bunuh atas tingkahlaku dan pengaruh subversif komunis. Namun begitu Dr Tan Chee Khoon ahli Parlimen Parti Buruh bagi kawasan Batu, Selangor telah membuat rayuan dan melancarkan kempen bantahan besar-besaran dari rumah ke rumah, pintu ke pintu untuk mendapatkan tandatangan simpati orang ramai membantah hukuman mati ini.

Menjelang tarikh pelaksanaan hukuman gantung itu, di luar penjara Pudu, Kuala Lumpur disepanjang jalan menuju ke penjara berlaku tunjuk perasaan, dan mereka membaling batu kearah kenderaan yang lalu dan bertindak menghalang lalu lintas. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan dan bagi mengelakkan pergaduhan yang lebih besar serta rusuhan berdarah berlaku, TAR telah mengadap Sultan Johor dan Sultan Perak untuk membincangkan meringankan hukuman gantung yang telah diputuskan. Akhirnya persetujuan dicapai, hukuman gantung diganti dengan hukuman penjara seumur hidup.

Rentetan peristiwa-peristiwa ini turut mempengaruhi kempen Pilihan Raya 1969 yang merekodkan kempen pilihan raya paling buruk dengan luahan rasa tidak puas hati kesan kejatuhan ringgit, perkembangan ekonomi yang perlahan, anasir komunis yang mahukan perubahan radikal serta tingkahlaku buruk dengan ucapan-ucapan yang tidak bertanggungjawab menghentam kerajaan Perikatan selepas merdeka. Catatan TAR menyatakan bahawa pengaruh golongan komunis menerusi Parti Buruh mengambil kesempatan mewujudkan suasana huru hara untuk memperkukuh pengaruh komunis dalam masyarakat. Maka, tarikh pilihan raya 1969 yang ditetapkan pada 10 Mei 1969 turut menyaksikan Parti Buruh memulaukan PRU 1969 sebagai bantahan. Walaupun bantahan ini dianggap sebagai taktik meniru Parti Barisan Sosialis Singapura yang enggan mengambil bahagian dalam pilihan raya Singapura dengan menarik ahli-ahlinya dari Dewan Undangan Singapura tanpa mengenakan ugutan atau ancaman kerana menyedari pimpinan Singapura juga adalah bangsa Cina di bawah Lee Kuan Yew dan PAP.

Sementara itu, Singapura juga adalah tapak yang sesuai untuk ideologi komunis berkembang tanpa ada bantahan daripada Lee Kuan Yew.

Parti Buruh telah melakukan pemulauan PRU 1969, dengan tindakan menarik keluar serta merta kesemua ahli Parti Buruh dari Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Tindakan ini dibuat enam minggu selepas peristiwa tunjuk perasaan beramai-ramai membantah hukuman gantung ke atas ahli Parti Komunis Malaya. Tindakan TAR memujuk Sultan Johor dan Perak untuk meringankan hukuman dilihat oleh Parti Buruh bahawa TAR dan Kerajaan Perikatan boleh dipaksa dan tunduk dalam melakukan sesuatu jika ditekan berterusan. Parti Buruh melihat 'mood' rakyat yang lagi anti-kerajaan boleh digunakan sebagai suatu kesempatan mempercepatkan pilihan raya dan mengaut sokongan. Parti Perikatan mengalami kekalahan teruk dalam pilihan raya 1969 kepada DAP dan Parti Buruh.

Namun begitu tindakan Parti Buruh telah mendapat tentangan dalaman dari ahli-ahlinya yang meninggalkan parti tersebut dan memasuki Parti Gerakan. Perbalahan kaum pada 13 Mei 1969 dilihat sebagai suatu yang tidak dapat dielakkan kerana rasa tidak puas hati ini telah terbentuk melalui beberapa peristiwa termasuk Hartal yang berlarutan hingga kepada bantahan beramai-ramai terhadap hukuman gantung ke atas ahli parti Komunis Malaya, kempen pilihan raya yang tidak bertanggungjawab dengan cemuhan dan tingkahlaku subversif, pemulauan pilihan raya 1969 dengan penarikan diri beramai-ramai ahli Parti Buruh dari Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Namun begitu kronologi sebenar konflik Cina-Melayu yang tercetus pada 13 Mei 1969 bukanlah bermula mengikut urutan peristiwa yang berlegar sekitar tahun 1960an sahaja tetapi harus ditelusuri pada zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu (8 Disember 1941- 15 Februari 1942). Cheah (2012) berhujah bahawa konflik etnik antara Cina dan Melayu pada tahun 1969 bukanlah konflik yang pertama berlaku. Beliau menjelaskan lagi bahawa zaman pendudukan Jepun memperlihatkan impak hubungan yang tegang antara etnik Cina dan Melayu kesan daripada pentadbiran Jepun yang membezakan layanan terhadap kumpulan etnik ini. Parti Komunis Malaya (PKM) dan gerakan anti-Jepun menghasilkan suatu fenomena anti-tesis apabila pembentukan Kesatuan Melayu Muda (KMM) mengambil pendekatan menyokong Jepun. Dua gerakan radikal ini membawa matlamat kemerdekaan Tanah Melayu dengan ideologi dan mekanisme yang berbeza dan pertembungan PKM dan KMM ini meningkatkan rasa prejudis serta ketegangan antara Cina dan Melayu.

Kekejaman tentera Jepun melalui beberapa peristiwa pembunuhan beramai-ramai etnik Cina di Sook Ching Singapura; Kota Tinggi, Benut, dan Gelang Patah di Johor; Kuala Pilah, Parit Tinggi, dan Joo Loong Loong (kini dikenali sebagai Titi) di Negeri Sembilan; dan Tanjong Kling di Melaka memberi impak yang sangat terkesan kepada etnik Cina di Tanah Melayu (Chen, 2018). Tambahan pula terdapat anggota Kempetai Jepun yang dipilih dari kalangan penduduk tempatan terdiri daripada orang Melayu menambah rasa ketegangan antara masyarakat Cina dan Melayu sebaik sahaja pendudukan Jepun berakhir dengan tindakan Amerika Syarikat menjatuhkan bom atom di Hiroshima dan Nagasaki. Berakhirnya Perang Dunia Kedua meninggalkan kesan besar dalam hubungan inter-etnik di Tanah Melayu tambahan lagi bila berdepan dengan ancaman komunis.

Namun begitu usaha Rancangan Malaya 1 (1956-1960), Rancangan Malaya 2 (1961-1965) dan Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970) masih diteruskan dalam skop memperbaiki kehidupan masyarakat luar bandar, aktiviti pertanian, industri asas tani dan usaha mengurus pembangunan Persekutuan Malaysia dengan kemasukan Sabah dan Sarawak pada tahun 1963. Masih belum ada usaha untuk mengurus hubungan inter-etnik di kalangan pelbagai kaum terutamanya Melayu, Cina, India dan etnik minoriti Sabah/Sarawak. Seinggalah tercetusnya tragedi 13 Mei 1969 yang mendesak kerajaan mengambil langkah yang lebih bersepadu dalam menyediakan pelan pembangunan negara dan masyarakat. Rentetan daripada 13 Mei, Dasar Ekonomi Baru ditubuh pada tahun 1970 untuk merapatkan hubungan inter-etnik ini.

Dasar Ekonomi Baru (1971-1990)

Dasar Ekonomi Baru (1970) bertujuan meredakan rusuhan kaum 1969. Dasar ini mempunyai objektif serampang dua mata iaitu 1) membasmi kemiskinan dan 2) menyusun semula masyarakat tanpa pengenalan kaum yang mengikut jenis pekerjaan. Pendekatan ekonomi seringkali dilihat mempunyai nilai objektif yang boleh dicapai dan diukur terutama apabila kritikan terhadap peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 dilihat berpunca daripada keadaan ekonomi masyarakat bumiputera yang masih mundur, miskin tegar dan serba kekurangan. Keadaan masyarakat luar bandar memerlukan perhatian supaya usaha merapatkan jurang ekonomi boleh merubah kehidupan dan sekaligus dilihat seiring untuk bersaing dengan bangsa Cina yang telah memperoleh keberuntungan daripada penjajahan British.

DEB adalah juga sebuah dasar yang mengetengahkan usaha merapatkan integrasi antara kaum yang berbeza kedudukan dan status pemilikan. Sebelum DEB, pelaksanaan dasar perancangan pembangunan seperti Rancangan Malaysia Pertama hanya tertumpu kepada usaha memperbaiki kehidupan dan taraf hidup masyarakat luar bandar, memperkukuh aktiviti pertanian, dan memperkenalkan aktiviti industri asas tani. DEB diperkenalkan merentasi usaha memperbaiki dan memperkukuh pembangunan luar bandar dan bandar kerana DEB membawa bersama objektif membentuk perpaduan antara kaum. Jurang ekonomi serta perbezaan pemilikan antara etnik Melayu dan Cina sebelum DEB adalah sangat besar ibarat (Melayu 9% dan Cina 91%). Kenyataan Chua (2004) menyokong kepada perbezaan jurang ekonomi dan pemilikan harta etnik minoriti Cina yang menguasai hampir 90% ekonomi negara di Asia Tenggara termasuk di Malaysia, Indonesia, Vietnam, Thailand dan Filipina. Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan titik tolak kepada usaha merapatkan jurang ekonomi antara kaum supaya perbezaan ekonomi tidak lagi dijadikan punca untuk masyarakat melakukan rusuhan. Perubahan pendekatan pembangunan menerusi DEB ini ternyata berjaya mengurangkan kadar kemiskinan dalam negara sejak ianya dilancarkan dan hingga kini kadar kemiskinan tegar di Malaysia berada ditahap 1% (Laporan Bank Dunia, 2017).

Walaupun DEB dikritik memberi peluang kepada Melayu dan Bumiputera sahaja dengan mengenyepikan menerusi pemilikan 30% Bumiputera (Jomo 1989; Gomez & Jomo 1997), hakikanya golongan bukan Melayu terutamanya etnik Cina mempunyai ruang dan peluang yang luas menerusi lebih 70% pemilikan kepada mereka. Keadaan ini menjelaskan kebenaran hujah Amy Chua (2004) yang mengakui golongan minoriti Cina menguasai ekonomi serantau termasuk Malaysia, Indonesia, Vietnam, Thailand dan Filipina. Harding (1996) turut bersetuju bahawa dalam konteks pembangunan masyarakat di Malaysia, 'positive discrimination' atau diskriminasi positif diperlukan sebelum persaingan setara diwujudkan. Kemiskinan dikalangan Melayu dan

Bumiputera adalah isu terbesar di Malaysia dan pelaksanaan DEB ini telah berjaya merapatkan jurang perbezaan ekonomi dan pemilikan antara kaum.

Muhammad (2014) mengupas sejauhmana DEB ini membawa perubahan kepada ekonomi orang Melayu dan Bumiputera serta menyimpulkan beberapa perkara bahawa pemilikan kekayaan aset dan kewangan di kalangan Bumiputera dan Melayu masih terlalu rendah iaitu lebih 70% tidak mempunyai aset kewangan, ASB yang dikhaskan untuk Bumiputera juga tidak membantu kerana lebih 55% bumiputera tidak mempunyai akaun bank ASB, golongan yang mengawal aset kewangan negara adalah golongan elit dan aristokrat, golongan kaya adalah mereka yang menurunkan kekayaan dan pemilikan secara warisan. Pembahagian kekayaan masih belum sepenuhnya merubah hidup golongan Bumiputera. Mungkin tanpa DEB, masyarakat Melayu dan Bumiputera masih ketinggalan dan mobiliti sosial masih lagi sebuah perjuangan yang sukar.

Penerusan usaha membangunkan negara memerlukan sebuah kerajaan yang sentiasa peka terhadap keperluan masyarakat yang berubah mengikut suasana semasa. Maka pelbagai usaha dan dasar diperkenalkan bagi memastikan progres pembangunan berjalan secara berterusan dan berkesinambungan. Selepas DEB pelbagai dasar pembangunan diperkenalkan sebagai usaha untuk terus memacu negara mengecapi manfaat pembangunan ekonomi yang boleh merapatkan jurang antara kaum. Agihan kekayaan negara masih lagi terikat dengan usaha pembahagian semula yang boleh membantu memperbaiki kehidupan golongan masyarakat Bumiputera yang serba kekurangan.

Wawasan 2020 (1991-2020)

Diperkenalkan oleh Tun Dr Mahathir pada tahun 1991 dengan merangka tempoh pembangunan Malaysia yang moden akan diperolehi sepenuhnya menjelang 2020. Sembilan matlamat wawasan ini dijadikan cabaran perdana untuk semua warga Malaysia menghayatinya. Sembilan cabaran tersebut ialah:

Pertama

Mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang serupa dan dikongsi bersama. Ia mesti menjadi negara yang aman, berintegriti di peringkat wilayah dan kaum, hidup dalam harmoni, bekerjasama sepenuhnya secara adil dan didokong oleh satu bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara;

Kedua

Mewujudkan masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang dicapai serta gagah menghadapi pelbagai masalah. Masyarakat Malaysia ini mesti dapat dikenali melalui usaha mencapai kecemerlangan, sedar semua kemampuannya, tidak mengalah kepada sesiapa, dan dihormati oleh rakyat negara lain;

Ketiga

Mewujud dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang, mengamalkan satu bentuk persefahaman yang matang, demokrasi Malaysia berasaskan masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada banyak negara membangun;

Keempat

Mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, yang mana warganegaraanya kukuh dalam nilai agama, dan kejiwaan dan didorong oleh tahap etika paling tinggi;

Kelima

Mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur, rakyat pelbagai kaum bebas mengamalkan adat, kebudayaan dan kepercayaan agama masing-masing dan pada masa yang sama, meletakkan kesetiaan mereka kepada satu negara;

Keenam

Mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, mempunyai daya perubahan tinggi dan memandang ke depan, yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga menyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan;

Ketujuh

Mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi, iaitu sistem sosial yang mana kepentingan masyarakat lebih utama daripada diri sendiri dan kebajikan insan tidak berkisar kepada negara atau individu tetapi di sekeliling sistem kekeluargaan yang kukuh;

Kelapan

Pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama di mana wujud perkongsian sepenuhnya bagi setiap rakyat dalam perkembangan ekonomi. Masyarakat sedemikian tidak akan wujud jika masih ada pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi, dan kesemua kemunduran ekonomi berdasarkan kaum; dan

Kesembilan

Mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi bersaing, dinamik, giat dan kental.

Pelaksanaan Wawasan 2020 terbahagi kepada tiga fasa utama. Dasar dan strategi bagi fasa pertama Wawasan 2020 digariskan di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991-2000 (RRJP2) iaitu Dasar Pembangunan Nasional (DPN). DPN mengandungi beberapa perubahan dasar yang memberi dimensi baru kepada usaha pembangunan dalam menghasilkan pembangunan yang lebih seimbang di samping mengekalkan prinsip asas Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Di bawah DPN, strategi pembasmian kemiskinan memberi tumpuan khusus kepada penghapusan kemiskinan tegar di samping pengurangan kemiskinan umum. Bagi meningkatkan penyertaan Bumiputra yang lebih bermakna di dalam sektor moden ekonomi, penekanan diberi kepada pembangunan komuniti Perdagangan dan Industri Bumiputera. Harapan yang lebih besar diletakkan pada penglibatan sektor swasta dalam proses penstrukturan penyertaan Bumiputera. Pembangunan sumber manusia yang juga merangkumi nilai moral dan etika untuk mencapai objektif pertumbuhan ekonomi dan pengagihan pendapatan turut diberi penekanan

Dalam tempoh pelaksanaan DPN, negara menghadapi Krisis Kewangan Asia yang melanda pada tahun 1997/1998. Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) ditubuhkan pada Januari 1998 dan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara yang komprehensif telah dilancarkan bagi menangani krisis kewangan tersebut. Antara langkah yang dilaksanakan ialah mengenakan kawalan pertukaran

matawang terpilih, dan penubuhan institusi seperti Danaharta dan Danamodal. Dasar fiskal mengembang dan dasar kewangan akomodatif diperkenalkan bagi merangsang penggunaan, di samping mengekang tekanan inflasi.

Fasa Kedua Wawasan 2020 dilaksanakan di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) iaitu Dasar Wawasan Negara (DWN) yang merangkumi tempoh 2001-2010. DWN bertujuan untuk memperkukuhkan daya saing dan daya tahan serta mewujudkan masyarakat yang saksama bagi memastikan kestabilan dan perpaduan negara. Dimensi baru yang diperkenalkan termasuk:

Membangunkan Malaysia sebagai masyarakat berasaskan pengetahuan

Menjana pertumbuhan berdasarkan sumber dan kekuatan tempatan

Menjadikan sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan lebih dinamik

Membasmi kemiskinan dalam kalangan kelompok kecil miskin di kawasan bandar dan pedalaman serta meningkatkan kualiti hidup kumpulan berpendapatan 30 peratus terendah

Mencapai penyertaan Bumiputra yang berkesan serta pemilikan ekuiti sekurang-kurangnya 30 peratus menjelang 2010

Pelaksanaan fasa kedua Wawasan 2020 menghadapi cabaran berikutan momentum pertumbuhan ekonomi yang perlahan selepas Krisis Kewangan Asia 1997/98 ditambah lagi dengan Krisis Kewangan Dunia pada tahun 2008/09. Keadaan ini menyebabkan negara berada dalam perangkap pendapatan pertengahan dan mungkin tidak dapat mencapai objektif menjadi negara maju menjelang 2020.

Fasa ketiga Wawasan 2020 dilaksanakan di bawah Model Baru Ekonomi (MBE) yang dilancarkan pada tahun 2010 merangkumi tempoh masa 2011 hingga 2020. MBE akan menjadi pemangkin dalam menjana potensi pertumbuhan negara. Matlamat utama MBE ialah meningkatkan kualiti hidup rakyat dengan menekankan kepada tiga dimensi iaitu pendapatan yang tinggi, kemampunan dan keterangkuman yang menekankan golongan berpendapatan 40 peratus terendah. MBE merangkumi empat tonggak transformasi negara di bawah gagasan “1Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan” iaitu Program Transformasi Kerajaan; Program Transformasi Ekonomi, Program Transformasi Politik dan Program Transformasi Luar Bandar. Pelaksanaan strategi MBE diperincikan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Rancangan Malaysia Kesebelas.

Wawasan ini merupakan matlamat yang menggambarkan negara Malaysia akan mencapai sebuah tahap negara maju menjelang tahun 2020 iaitu sebuah negara maju dalam semua bidang termasuk bidang ilmu, penyelidikan, dan pembangunan, kapasiti industri, serta berkebolehan sebagai sebuah negara yang mempunyai pengaruh di dunia (Siti Nursyahidah 2018). Namun begitu, wawasan 2020 telah disalahtafsir oleh kerajaan kerana melihat definisi negara maju hanya mengukur Pendapatan Negara Kasa perkapita yang meesti mencabar AS\$16000. Kesilapan kerajaan dalam membuat penafsiran negara maju akhirnya menyulitkan usaha wawasan 2020 ini dicapai. Tambahan lagi, sikap dan budaya orang Melayu membuatkan masalah ini berlarutan.

Sikap malas, kurang tekun, dan suka mencari jalan mudah adalah budaya yang menyukarkan negara dalam jangka masa panjang.

Transformasi Nasional (TN50)

Bekas Perdana Menteri Malaysia ke-enam, Najib Razak memperkenalkan TN50 bagi tempoh 2020 hingga 2050 dengan menyediakan usaha-usaha dan sasaran mentransformasi dari sebuah negara maju kepada sebuah negara 20 teratas di dunia dalam pembangunan ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi. Pengisian transformasi ini perlu dilakukan oleh warga Malaysia. Proses urbanisasi dan kemunculan bandar-bandar yang mempunyai penduduk melebihi 10 juta orang turut membawa bersama perubahan peranan individu, masyarakat, gender dan institusi. Usaha TN50 untuk mengubah negara menjadi negara berpendapatan tinggi banyak tergantung kepada kutipan cukai, pelaburan, dan pinjaman luar bagi mewujudkan pekerjaan baru, industri baru, dan pembinaan infrastruktur baru bagi kawasan-kawasan luar bandar, dan sebagainya.

Objektif TN50 juga mendorong kepada era *convergence* yang mengutamakan pemerksaan teknologi tinggi seiring dengan revolusi 4.0. Usaha ini walaupun boleh dilihat sebagai tapak integrasi bagi merapatkan hubungan masyarakat berbilang kaum, namun begitu kemajuan teknologi juga menghasilkan debat bahawa manusia terlalu leka dan asyik dengan teknologi maka mereka kurang berinteraksi antara satu sama lain serta lebih leka berhubungan dengan rakan maya. Tambahan lagi, matlamat mewujudkan negara berpendapatan rendah tidak seharusnya menghasilkan transformasi yang lestari dalam berkehidupan. Ini disebabkan maksud harmoni dan kesejahteraan hidup adalah berbeza. Mengamalkan cara hidup sederhana bebas daripada tekanan hidup seperti tekanan kos hidup yang mahal, kesesakan lalu lintas, udara yang tercemar dan sebagainya. Menilai kualiti kehidupan harus bersifat multidimensi dan tidak terikat kepada pendapatan isi rumah dan pemilikan harta semata-mata tetapi turut mengukur kualiti kehidupan seperti kemudahan memperoleh bahan makanan yang segar, murah dan berkualiti, bebas dan selamat untuk bergerak dan melakukan aktiviti harian, kemudahan kesihatan yang murah dan berkualiti, dan sebagainya.

Konsep Penyatupaduan Sosial

Shamsul (2015) menjelaskan bahawa naratif masyarakat Malaysia sebenarnya berada dalam keadaan kesepaduan sosial dan masih berdepan dengan cabaran “*stable tension*” yang berputar dan muncul bilamana parti politik, organisasi bukan kerajaan atau individu memainkan mana-mana isu-isu seperti bahasa, agama, pendidikan vernacular, perlembagaan dan hak yang diperuntukan kepada orang Melayu dan bumiputera, hubungan negeri dan persekutuan, spatial antara bandar dan luar bandar dan sebagainya. Keadaan kesepaduan sosial yang masih belum mencapai tahap perpaduan ini memerlukan mekanisme penyatupaduan sosial atau *reconciliation* untuk memastikan hubungan persaingan yang wujud dikalangan pelbagai kaum dapat terus hidup dalam harmoni.

Mekanisme penyatupaduan ini yang dinamakan tapak integrasi. Tapak integrasi ini diwujudkan dalam bentuk dasar, acara sukan, festival budaya, perayaan agama, seni muzik dan budaya, dan sebagainya dalam bentuk *authority defined* dan *everyday defined*. Tapak integrasi yang wujud dalam bentuk *authority defined* ini boleh dilihat dalam pembentukan dan pelaksanaan dasar

pembangunan yang bertujuan mengharmonikan kehidupan rakyat berbilang kaum. Pelbagai ruang dan peluang dicipta dan direka bagi membolehkan tapak integrasi sentiasa ada dan muncul silih berganti.

Tapak integrasi ini boleh dilihat dalam bentuk *top down* seperti kewujudan dasar-dasar pembangunan yang direka oleh pembuat dasar bagi memastikan halatuju pembangunan yang dirancang akan diurus, dijalankan dan di pantau oleh kementerian atau jabatan kerajaan tertentu di peringkat pusat dan negeri. Ini disebabkan dalam menilai beberapa dasar utama negara iaitu Rancangan Malaysia, Dasar Ekonomi Baru; dan aspirasi seperti Wawasan 2020 dan TN50 memberi penekanan utama iaitu matlamat pembangunan adalah untuk memastikan perpaduan dan kesejahteraan rakyat berbilang kaum dapat dicapai dan berkesinambungan. Tapak integrasi yang diformulakan oleh badan-badan pembuat dasar juga diiktiraf sebagai mekanisme formal yang kuasa kepada pelaksanaan dasar ini diwajibkan pada institusi di peringkat pusat dan negeri.

Walaupun matlamat DEB dan Rancangan Malaysia mahupun Wawasan 2020 dan TN50 dilihat sebagai matlamat mega, tetapi pelaksanaan pembangunan bagi merapatkan jurang perbezaan kaum menerusi ekonomi dan sosial telah dilakukan dengan cukup baik menerusi TEKUN, Amanah Ikhtiar, PTPTN dan biasiswa pendidikan MARA dan JPA, pinjaman mikro bagi modal baru perniagaan, bantuan kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS), bantuan asas tani, subsidi baja, dan nasihat pakar, dlln. Program ini telah banyak membantu meningkatkan ekonomi golongan Bumiputera yang masih ketinggalan. Perniagaan yang bersifat hubungan kerjasama 'alibaba' menerusi DEB juga telah menarik hubungan antara etnik iaitu pemodal Cina untuk bekerjasama dengan golongan usahawan Melayu untuk memohon tender bagi projek pembangunan, perusahaan atau perkhidmatan.

Kerjasama ini juga membolehkan pemodal Cina dan usahawan Melayu saling mempelajari satu sama lain kerana pemodal Cina mempunyai kuasa kewangan yang kukuh dan kemahiran berniaga sementara usahawan Melayu mempunyai peluang bagi memohon tender perniagaan atas status Bumiputera dan keadaan ini membolehkan mereka bekerjasama dan saling membantu. Dasar diskiriminasi positif dalam DEB ini bertujuan untuk memacu ekonomi Bumiputera yang jauh ketinggalan agar bantuan dan peluang ini menyediakan tapak persaingan yang seterusnya membolehkan mereka bersaing dengan kaum bukan Melayu yang telah kukuh dan kaya dalam aspek ekonomi, harta dan pemilikan (Harding 1996). Kerjasama hubungan usahawan 'alibaba' ini bertujuan untuk berkongsi ilmu dan pengalaman selok-belok mengurus syarikat dan mengambil keuntungan sewajarnya mengikut kontrak perjanjian yang telah dipersetujui bersama (Mahathir 1978).

Walaupun ada yang mengkritik dasar alibaba ini menyebabkan golongan tertentu menggunakan nama Melayu tapi sebenarnya syarikat diurus oleh bukan Melayu dan akhirnya ia merugikan Melayu juga (Jesudason 1990; Means 1976). Gomez (1996) dan Khoo (1995) mengkritik bahawa dasar DEB membolehkan elit politik terlibat dalam perniagaan dan menggunakan saluran politik bagi tujuan ini. UMNO menjadi parti politik yang turut terlibat dalam skandal pelaburan dan perniagaan termasuk Bumiputera-Malaysia Finance (BMF) pada 1983, MCA dengan isu DTC (*Deposit-Taking Cooperatives*) pada 1986, pendedahan MIC dengan isu Maika-Holdings-STM syer pada 1992. Skandal pelaburan, politik wang, dan korupsi ini telah membawa kepada rasa tidak puas hati rakyat kepada elit politik yang dilihat rakus dan tamak dalam mengurus wang rakyat. Tambah pula, pelaksanaan DEB ini telah melahirkan rasa berbelah bahagi dan berlainan

pendapat dikalangan intra-etnik Cina walaupun ramai merasakan DEB menyebabkan syarikat Cina terpaksa menempatkan jawatan tertentu dalam syarikat kepada orang Melayu yang dilihat memegang jawatan dalam kapasiti simbolik semata-mata. Orang Melayu ini pula menggunakan kesempatan mengambil untung atas 'rent-seeking' daripada kaum Cina yang memegang jawatan penting dalam syarikat yang telah memainkan peranan bekerja keras membawa keuntungan kepada syarikat. Fenomena 'rent-seeking' ini menyebabkan pemodal Cina mencari jalan bekerjasama dengan birokrat Melayu, elit tentera dan polis, dan aristokrat dengan menawarkan saham atau syer syarikat kepada golongan elit bukan Melayu sebagai rakan kongsi (Gomez 1996; Gomez & Jomo 1997).

Shahriza et al. (2013) telah menggariskan unsur kekuatan dan kelemahan DEB kepada masyarakat Malaysia. Walaupun DEB telah tamat tempoh pelaksanaan, kesannya masih lagi dirasai dan bukti perubahan masih boleh diketengahkan. Kemunculan peniaga Melayu telah meningkat daripada 13% kepada 34% dalam tempoh 1971-1981 dan beberapa jutawan Melayu muncul seperti Tun Daim Zainudin, Tan Sri Azman Hashim, Tan Sri Wan Azmi Wan Sulaiman, dan sebagainya. Muhammad Asri et al (2012) menyatakan bahawa DEB telah membolehkan 40 agensi daripada 14 kementerian dalam dalam program membina usahawan Bumiputera seperti penubuhan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada tahun 1995 yang berperanan sebagai agensi utama membimbing bakal usahawan dan usahawan sedia menerusi latihan yang diberi oleh MARDI, MARA, SIRIM, MIDA dan MIDF. Sementara institusi kewangan seperti TEKUN Nasional, Agensi MARA, SME Bank diwujudkan sebagai sumber pemberi dana dan pembiaya modal untuk menghasilkan lebih ramai lagi golongan usahawan Melayu (Mohamed Khalid 2007).

Walaupun selepas DEB, jurang perbezaan kaum Cina dan Melayu dalam bidang perniagaan masih lagi besar. Menjelang tahun 1993, jurang ini begitu ketara kerana penyertaan Bumiputera dalam perniagaan tunggal adalah sebanyak 1119 sementara penyertaan kaum Cina ialah 3624. Sehingga kini perdebatan sama ada DEB telah berjaya merapatkan jurang ekonomi antara kaum dan menambahbaik pemilikan orang Melayu masih lagi merupakan tanda tanya. Jomo (2004) dan Muhammad Khalid (2014) kedua-duanya berkongsi pandangan bahawa DEB berjaya dalam memperbaiki mobiliti sosial atau memperkasa ekonomi segelintir Melayu terutamanya elit politik, aristokrat, elit pemodal yang menyebabkan agihan sumber dan kekayaan masih lagi belum diagihkan secara menyeluruh. Perkara ini mungkin disebabkan salah satu usaha mengukuhkan status quo pemerintah ialah memastikan politik pembangunan akan terus mewujudkan kebergantungan yang berterusan.

Sementara itu, bagi kaum minoriti India, pelaksanaan *Malaysian Indian Blueprint* atau Blueprint Masyarakat India Malaysia bagi membangunkan komuniti India yang dilihat ketinggalan. Menurut Denison (2016: 618) pemetaan B40 yang dirujuk dalam Rancangan Malaysia ke-Sebelas (2016-2020) termasuk golongan isirumah berpendapatan RM2500 dan ke bawah. Dalam kategori ini terdapat 2.7 juta isirumah dengan pecahan 68% adalah Bumiputera dan 32% adalah Bukan Bumiputera. Seramai 56% daripada 2.7 juta golongan B40 tinggal di bandar dan selebihnya iaitu 44% tinggal di luar bandar.

Program intervensi dengan kerjasama badan kerajaan dan bukan kerajaan seperti yang dijalankan oleh Yayasan Strategik Sosial (YSS) di kawasan kejiranan Enggang (2012-2013) adalah usaha murni bertujuan untuk merapatkan jurang perbezaan kelas bagi golongan India B40 di kawasan

bandar. Agenda pembangunan yang lebih inklusif diperlukan supaya golongan B40 ini boleh dibantu tanpa mengira perbezaan etnik tetapi berusaha untuk memperbaiki kelas sosio-ekonomi mereka. Tambalan lagi, cadangan kertas dasar bagi membantu mengubah nasib golongan miskin daripada komuniti India ini termasuk usaha menggesa kerajaan menubuhkan pusat penyelerasan bantuan di peringkat persekutuan, negeri, daerah dan mukim bagi membolehkan golongan B40 yang telah dikenalpasti memperoleh bantuan mengikut hak dan kelayakan mereka.

Kesimpulan

Pembinaan tapak integrasi bagi merapatkan jurang perbezaan budyaa, kepercayaan, pandangan, kepentingan yang bersaing ini melalui pembentukan dasar kerajaan yang dilaksana secara top-down amat penting kerana ia menetapkan hala tuju matlamat pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat. Kedua-dua elemen pembangunan dan kesejahteraan negara serta masyarakat ini harus hidup secara *co-existence* yang saling mendokong dan menyokong antara satu sama lain. Walaupun kritikan terhadap dasar ini dilihat tidak semuanya memberi atau menghasilkan manfaat kepada setiap lapis masyarakat, tetapi ianya meletakkan asas perpaduan sebagai matlamat akhir pembangunan yang perlu terus diusahakan.

Sebagai sebuah negara yang beradab dan beradat Melayu, pengukuhan institusi yang meletakkan adab dan adat Melayu sebagai tunjang perpaduan harus terus dilestarikan secara berhemah bersesuaian dengan maksud '*host and settlers society*' yang turut didokong dalam Perlembagaan Persekutuan. Pengukuhan ini masih meneruskan pendekatan akomodasi yang bersesuaian dengan lanskap masyarakat Malaysia yang jelas identiti keetnikannya walaupun dalam idea Malaysia Baru jurang etnik ini mahu dilihat sebagai suatu yang semakin kabur kesan daripada globalisasi terutamanya kepada golongan generasi Z dan Alpha. Dalam meneliti perkembangan negara maju seperti di Utara Amerika dan Eropah, persoalan identiti dan etnik tidak pernah hilang dalam arus pemodenan dan kemajuan teknologi kerana institusionalisasi sistem kapitalisme menerusi dimensi ekonomi politik yang telah membentuk identiti dan etnisiti berlaku secara global menerusi pekerjaan, status sosial, hierarki organisasi, kategori pekerja mahir dan kurang mahir, dan lebih ekstrem diskriminasi warna kulit, yang akan terus menjarah fikiran merentasi pemodenan.

Penghargaan

Kertas kerja ini adalah berasaskan penyelidikan yang dibiayai oleh geran Arus Perdana AP-2017-001/1.

Anderson, James E. 2003. *Public Polic Making (5th edition)*. Boston, MA: Houghton Mifflin Company.

Anis Yusal Yusof. Adilkah Kita Dalam Mengkritik DEB? <http://www.sinarharian.com.my/mobile/rencana/adilkah-kita-dalam-mengkritik-deb-1.153770> (akses online 17 Mei 2018)

Bertrand, Jacques. 2008. Ethnic Conflicts in Indonesia: National Models, Critical Junctures, and the Timing of Violence, *Journal of East Asian Studies*, Vol. 8 No. 3:425-449

Bombings of Hiroshima and Nagasaki: Profiles of Curtis LeMay and Paul Tibbets. 2014. <https://www.atomicheritage.org/history/bombings-hiroshima-and-nagasaki-1945> (akses atas talian 23 April 2018).

Chen, C. Peter. 2018. Invasion of Malaya and Singapore (8 Dec 1941 – 15 Feb 1942). https://ww2db.com/battle_spec.php?battle_id=47 (akses atas talian 23 April 2018)

Chua, Amy. 2004. *World on Fire: How Exporting Free Market Democracy Breeds Ethnic Hatred and Global Instability*. Anchor Books: USA.

Dunn, William. 2000. *Pengantar Analisis Kebijakan Publik*. Yogyakarta: Gadjahmada University Press.

Dye, Thomas. 1995. *Understanding Public Policy (7th edition)*. New Jersey: Englewood Cliffs.

Elmore, Richard. E. 1985. Forward and Backward Mapping, In. Hanf K and Toomen, T (eds.). *Policy Implementation in Federal and Unitary System*. Holland: Martinus Nijhoff: 33-70

Funston, John. 2010. Malaysia and Thailand's Southern Conflict: Reconciling Security and Ethnicity, *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 32 No.2:234-257.

Gomez E.T, and Jomo K.S. 1998. *Malaysia's Political Economy: Politics, Patronage and Profits*, Cambridge: Cambridge University Press.

Gomez, E.T. 1996. Changing Ownership Patterns, Patronage and the NEP, in Muhd Ikmal Said and Zahid Embry (eds.) *Malaysia: Critical Perspectives*. Petaling Jaya: Malaysian Social Science Association.

Gomez, Edmund Terence & Kwame Sundaran Jomo. 1997. *Malaysia's Political Economy: Politics, Patronage and Profits*. United Kingdom: Cambridge University.

Harding, Andrew. 1996. *Law, Government and the Constitution in Malaysia*. UK: Kluwer Law International.

Hjern & Porter. 1981. Impelementaion Structure: A New Unit of Administrative Analysis, *Organization Studies*, 2: 211-227

Hjern, Benny. 1982. Implementation Research: The Link Gone Missing, *Journal of Public Policy*, Vol. 2 (3):301-308

Howlett, Michael P. and Ramesh, M. 1995. *Studying Public Policy: Policy Cycles and Policy Subsystem*. Oxford: Oxford University Press.

Jesudason, J. V. 1990. *Ethnicity and the Economy: The State, Chinese Business and Multinationals in Malaysia*. Singapore: Oxford University Press.

Jomo, K.S. 1986. *A Question of Class: Capital, the State and Development in Malaysia*. Singapore: Oxford University Press.

Jomo, K.S. 2004. *The New Economic Policy and Interethnic Relations in Malaysia, Identities, Conflict and Cohesion*, Programme Paper Number 7, United Nations Research Institute for Social Development

Kartini Aboo Talib @ Khalid. 2014. *Policy Implementation and the People Processing Organization*. Saarbrucken Germany: Scholars' Press.

Lipsky, Michael. 1980. *Street-Level Bureaucracy. The Dilemmas of Individuals in the Public Service*. New York: Russell Sage Foundation.

Martin Vengadesan. 2008. May 13, 1969: Truth and Reconciliation <https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/watching-the-world/2008/05/11/may-13-1969-truth-and-reconciliation/> (akses atas talian 23 April 2018)

Means, G.P. 1976. *Malaysian Politics*. London: Chong Moh and Company.

Migration Survey Report Malaysia. 2016. Department of Statistic Malaysia, at <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=RldLdXFuQUppeGM5Yk1HO DITMVI6UT0> (akses online 14 Mei 2018)

- Muhammad ASri Abd Ghani dan Zaimah Darawi. 2012. *Transformasi dan Prestasi Perniagaan Usahawan Melayu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Johor Bahru*. Prosiding PERKEM VII. Jilid 1: 696-708
- Muhammed Abdul Khalid. 2014. *The Colour of Inequality: Ethnicity, Class, Income and Wealth in Malaysia*. Kuala Lumpur: MPH Group Publishing
- Ong Boon Teck. 2016. Kisah Alibaba, Najib dan RM144b...<http://www.sinarharian.com.my/nasional/kisah-alibaba-najib-dan-rm144b-1.582927> (akses online 17 Mei 2018)
- Shamsul AB. 2015. *Politics of Language and Language of Politics: Theory and Practice of the Nation of Intent as articulated in Malaysia*. UKM Ethnic Studies Paper Series. No. 35 (June), Bangi: KITA Press.
- Shariza Ilyana Ramli, Nur Zafifa Kamaruzaman, Irlis uhayu Mohd Ramli. 2013. Malaysia's New Economic Policy: Issues and Debate, *American Journal of Economics*, Vol. 3(2):108-112
- Sirimal Abeyratne. 2008. Economic Development and Political Conflict: Comparative Study of Sri Lanka and Malaysia, *South Asia Economic Journal*, 9 (2): 393-417.
- Siti Nursyahidah Abu Bakar. 2018. Negara tak boleh capai Wawasan 2020. <http://www.sinarharian.com.my> (akses 12 Mei 2018).